

**SOALAN NO: 27**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim  
[ Kuala Selangor ]  
**TARIKH** : 3 November 2014  
**SOALAN** : Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
apakah usaha Kerajaan untuk mengelakkan  
aktiviti bom ikan seperti yang berlaku di  
perairan Semporna di mana dua bot pam  
ditahan dan mendapat suspek  
menggunakan bahan letupan untuk  
menangkap ikan basah.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Bom ikan adalah merupakan suatu alat buatan manusia yang terdiri dari bahan letupan untuk menangkap ikan. walau bagaimanapun, kaedah ini boleh menyebabkan kemasuhan ekosistem dan sumber perikanan di kawasan yang terlibat. Berdasarkan kepada Seksyen 26 Akta Perikanan 1985, menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan, racun dan sebagainya adalah dilarang. Larangan ini adalah

terpakai di seluruh Malaysia. Di antara usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia dan Jabatan Perikanan Negeri Sabah untuk membendung aktiviti bom ikan adalah:-

- i. Membatalkan lesen secara serta merta sekiranya vesel-vesel tersebut dilesenkan dan didapati bersalah di bawah Akta Perikanan 1985; dan
- ii. Memperluaskan kempen kesedaran berkaitan dengan larangan penggunaan bom ikan dan kesan buruknya kepada populasi ikan dan risiko keselamatan yang akan dihadapi oleh sektor ini.

Jabatan Perikanan Sabah turut mewujudkan Unit Penguatkuasaan Jabatan Perikanan Sabah pada 1986 di empat (4) Pangkalan Utama iaitu di Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Sandakan dan Tawau. Pada tahun 2005 Pangkalan-Pangkalan Kecil atau sokongan telah ditubuhkan di semua daerah marin Sabah termasuklah daerah Semporna.

Dalam hal ini, Unit Penguatkuasaan Perikanan Sabah bertanggungjawab menjalankan operasi pemeriksaan bagi membanteras kegiatan pengeboran ikan secara berterusan di pesisir pantai Negeri Sabah dan turut menjalankan pembenterasan penjualan ikan yang ditangkap dengan bahan letupan di pusat-pusat pendaratan ikan, pasar-pasar ikan, dan pasar tamu mingguan.

Jabatan Perikanan Sabah juga giat menjalankan kempen kesedaran kepada nelayan dan penjual-penjual ikan supaya tidak terlibat dalam apa jua bentuk aktiviti penangkapan yang melibatkan pengeboman ikan untuk mendapatkan hasil tangkapan dengan mudah.

Selain itu, agensi penguatkuasa yang lain seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Polis Marin, Taman-Taman Sabah dan lain-lain lagi turut membantu Jabatan Perikanan melaksanakan penguatkuasaan di perairan marin negara. Operasi bersama turut diadakan berterusan dari masa ke semasa di perairan Sabah. Penyelarasan kerjasama di antara semua agensi penguatkuasa ini adalah di bawah satu Jawatankuasa iaitu ‘O’ Group yang dipengerusikan oleh Pusat Penguatkuasaan Penyelaras Maritim, Lumut. Pusat ini menyelaras semua isu (maritim) termasuk pengeboman ikan dibincang, diselaras dan diambil tindakan secara bersama melalui mesyuarat berkala.